


Teknik Menguasai Bahasa Inggeris dalam **Kalangan Anggota Koperasi**

Rahmathbee Zarinatun
Mohd Abdul Kader
Pusat Dasar dan Antarabangsa



Pengenalan

Bahasa merupakan medium perantaraan yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi. Menurut *Kamus Linguistik*, bahasa adalah keupayaan fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi suara arbitrari yang dipersetujui bersama oleh kelompok sosial dan digunakan sebagai alat komunikasi daripada beberapa segi seperti satu sistem untuk mewakili benda tindakan, idea dan keadaan atau satu ucapan yang menepati tatabahasa yang telah ditetapkan atau bahasa adalah satu penuturan komunikasi. (Kamus Linguistik, 1997: 27)

Kamus Dewan Edisi Keempat menyatakan bahawa perkataan Inggeris merujuk kepada “rakyat negara England khususnya Great Britain yang kebiasaannya berkulit putih”. Manakala Bahasa Inggeris telah didefinisikan sebagai “bahasa sebagaimana yang dipertuturkan oleh orang Inggeris”.

Sejarah Pengenalan Bahasa Inggeris di Tanah Melayu

Sejarah memperlihatkan bahawa hubungan orang Inggeris di bumi Melayu bermula dengan hubungan perdagangan iaitu sejak awal tahun

1614 lagi. Hubungan ini dikuatkan lagi dengan penerbitan pertama Inggeris di bumi Melayu yang dihasilkan oleh pedagang Inggeris berjudul *"Dialogues in the English and Malaiane Languages: or certain common Forms of Speech, First Written in Latin, Malaian, and Madagasca Tongues"*. Penerbitan kedua iaitu *A Brief Vocabulary of the Malayan Tongue* pada tahun 1673 dan penerbitan ketiga oleh Oxford pada tahun 1677. Perkembangan bahasa Inggeris ini telah meluas apabila negara kita dijajah oleh pihak Inggeris. Pelbagai perubahan dari segi ekonomi, politik, dan sosial yang dilaksanakan semasa Tanah Melayu dijajah. Malah, perubahan sosial yang dibuat dalam sistem pendidikan sekular ini telah meninggalkan kesan kepada rakyat Malaysia sehingga hari ini.

Penerimaan dan Kepentingan Bahasa Inggeris di Malaysia

Penerimaan bahasa Inggeris sebagai bahasa global dapat dilihat melalui penggunaannya yang meluas. Kebanyakan negara menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa perantaraan dalam hubungan diplomatik mahupun ekonomi. Bahkan, dengan pertambahan jumlah penutur bahasa Inggeris di seluruh dunia, ia sekali gus mengatasi jumlah bahasa utama lain seperti bahasa Perancis, Sepanyol, Arab dan Rusia.

Tambahan pula, bahasa Inggeris telah digunakan hampir dalam semua acara formal seperti sukan dunia dan beberapa temasya dunia lain. Selain itu, penggunaan bahasa Inggeris yang meluas oleh ahli politik dan duta negara untuk berkomunikasi di antara satu sama lain telah meletakkan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama yang digunakan oleh pertubuhan dunia seperti Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, NATO dan Persatuan Dagangan Bebas.

Menyedari akan kepentingan bahasa Inggeris dalam mengejar era globalisasi, seseorang itu perlu menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Keupayaan menguasai bahasa Inggeris ini merupakan satu kelebihan kepada diri sendiri dan secara tidak langsung, komunikasi akan menjadi mudah untuk berhubung dengan ramai orang di serata dunia lebih-lebih lagi apabila melibatkan perkongsian idea dan ilmu secara maya mahupun bersemuka.

Penguasaan bahasa Inggeris yang baik ternyata banyak memberi kelebihan kepada masyarakat seperti peluang pekerjaan yang cerah. Tiada lagi masalah untuk mendapat pekerjaan yang baik terutamanya dalam sektor swasta. Walaupun bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi negara, namun bahasa Inggeris merupakan bahasa yang kerap digunakan dalam bidang



perniagaan. Tambahan pula, kebanyakan syarikat swasta pada hari ini mewajibkan penguasaan bahasa Inggeris untuk memohon bekerja di syarikat mereka. Hal ini secara tidak langsung telah memberi persaingan hebat dalam merebut peluang pekerjaan terutamanya dalam kalangan siswazah. Statistik dari Jabatan Perangkaan merekodkan bahawa sehingga November 2015, kadar pengangguran di Malaysia mencatatkan peningkatan sebanyak 0.1 peratus berbanding bulan sebelumnya sekali gus menjadikan jumlah pengangguran seramai 453,000 orang (3.2%). Apa yang paling menggerunkan ialah, penguasaan bahasa Inggeris yang lemah juga menjadi antara faktor meningkatnya kadar pengangguran di Malaysia lebih-lebih lagi dalam bidang perniagaan, perhotelan dan pelancongan yang sememangnya memerlukan tahap komunikasi bahasa Inggeris yang baik. Justeru, penguasaan bahasa Inggeris bukan sahaja penting bagi menjamin peluang kerjaya, malah juga penting untuk menjamin hubungan yang mantap dalam bidang perniagaan.

Di Malaysia, kerajaan melalui Kementerian Pelajaran mengambil pendekatan dengan mewajibkan subjek Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris. Oleh yang demikian, penguasaan bahasa Inggeris yang baik perlu dititikberatkan oleh setiap pelajar bagi memastikan kelancaran dalam proses pembelajaran. Sebaliknya, penguasaan bahasa Inggeris yang lemah akan menyebabkan pelajar ketinggalan dalam pelajaran. Maka, tiada alasan untuk mereka tidak menguasai bahasa Inggeris. Ini jelas menunjukkan bahawa hasrat kerajaan dalam menggalakkan penguasaan bahasa Inggeris sangat tinggi. Dengan penguasaan bahasa Inggeris, masyarakat tidak akan berasa janggal sekiranya terpaksa berhadapan dengan situasi yang memerlukan mereka berkomunikasi dalam bahasa Inggeris

Lemah Menguasai Bahasa Inggeris

Sering kali kita dibelenggu dengan masalah penguasaan bahasa Inggeris terutamanya dalam

kehidupan seharian. Keadaan ini ditambah apabila bekerja di syarikat swasta yang banyak menggunakan bahasa Inggeris dalam komunikasi dalaman pejabat, komunikasi dengan syarikat-syarikat lain dan juga dengan pelanggan. Penguasaan bahasa Inggeris yang lemah ini juga boleh menjadi faktor kepada kurangnya produktiviti dalam kalangan kakitangan. Ini kerana, mereka tidak dapat melaksanakan kerja dengan baik apabila tidak jelas dengan arahan atau maklumat yang diterima dalam bahasa Inggeris. Hal ini secara tidak langsung akan menjejaskan kualiti kerja dan peluang kenaikan pangkat.

Berikut adalah contoh perbualan bahasa Inggeris di antara seorang guru dan pelajarnya.

TEACHER : Hello, how are you?

KAMAL : Fine teacher.

TEACHER : Why didn't you passed up your assignment?

KAMAL : I forgot to bring it teacher.

TEACHER : Are you sure, you don't lie to me? Where is your assignment?

KAMAL : No, no, nooooo teacher I'm not a lion.....

TEACHER : You got it wrong. What I mean is, you are not telling me the truth on your missing assingment.

Berdasarkan perbualan di atas, dapat disimpulkan bahawa salah faham yang berlaku di antara seorang guru dan pelajarnya akibat kurangnya penguasaan bahasa Inggeris. Ia tidak akan menjadi masalah bagi golongan yang fasih berkomunikasi dalam bahasa Inggeris. Namun hakikatnya, ia menjadi masalah apabila terdapat segelintir masyarakat yang tidak dapat berkomunikasi dan menulis dengan baik dalam bahasa Inggeris. Persoalannya, adakah anda faham akan isi-isi penting yang ingin disampaikan

sedangkan tahap penguasaan bahasa Inggeris anda berada pada tahap yang lemah?

Sektor Koperasi Digalakkan untuk Menguasai Bahasa Inggeris

Melihat kepada kepentingan bahasa Inggeris, anggota koperasi juga perlu berusaha untuk mempelajari bahasa Inggeris tanpa mengira usia, rasa rendah diri dan malu. Oleh itu, melalui Maktab Koperasi Malaysia, anggota boleh mendaftar untuk mengikuti kursus *English Communication At Workplace*. Kursus yang diadakan selama tiga hari ini dibimbing oleh penceramah berpengalaman dan pakar dalam bidang ini. Pada dasarnya, kursus bahasa Inggeris ini memberi tumpuan kepada komunikasi, tatabahasa dan perbendaharaan kata. Kursus ini sesuai untuk anggota yang ingin meningkatkan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Inggeris agar pertuturan menjadi lebih lancar, tepat dan berkesan. Selain itu, ia bertujuan untuk meningkatkan keyakinan peserta untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris secara semula jadi di samping mempersiapkan peserta menghadapi situasi persekitaran sosial dan di tempat kerja.

Meningkatkan amalan bagi menguasai bahasa Inggeris ini bukan satu perkara yang baharu dalam sektor koperasi. Berkebolehan menguasai bahasa Inggeris merupakan satu aset

kepada koperasi khususnya bagi koperasi yang mempunyai aktiviti perhotelan dan homestay. Kehadiran pelancong merupakan pendapatan kepada sektor pelancongan dan boleh menjana pendapatan kepada koperasi sekiranya koperasi bijak mengambil peluang. Bahkan, koperasi yang terlibat dalam perkhidmatan teksi juga secara tidak langsung turut terlibat dalam industri pelancongan. Oleh itu, pemandu teksi yang juga merupakan anggota koperasi seharusnya boleh berkomunikasi dalam bahasa Inggeris dengan baik. Mereka bukan sahaja bertindak sebagai pemandu pelancong, tetapi juga sebagai duta kecil yang dapat menerangkan kepada pelancong lokasi-lokasi menarik yang terdapat di Malaysia.

Teknik-teknik Menguasai Bahasa Inggeris

Sejak dari sekolah lagi kita telah didedahkan dengan penggunaan bahasa Inggeris melalui subjek bahasa Inggeris. Namun begitu, masih ramai yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik. Kadangkala kita boleh membaca bahan-bahan di dalam bahasa Inggeris, tetapi ia menjadi sukar apabila diminta untuk bercakap di hadapan orang disebabkan beberapa faktor seperti gugup, kurang yakin dan sebagainya. Justeru, terdapat beberapa teknik yang boleh digunakan dan boleh dipraktikkan untuk menguasai bahasa Inggeris dengan mudah. Antaranya ialah:

1. Hakis perasaan malu dan tanamkan semangat ingin belajar

Bagi sesetengah orang, bahasa Inggeris adalah bahasa yang sukar dipelajari dan dikuasai. Walau bagaimanapun, perkara pertama yang perlu ditekankan ialah, adakah kita benar-benar ingin mempelajari bahasa Inggeris? Jika kita tidak tertarik untuk mempelajari bahasa Inggeris, maka tidak ada kelas atau buku yang boleh membantu dalam meningkatkan minat kita untuk mempelajari bahasa ini. Nescaya akan ada banyak alasan bagi mengelakkan

Penguasaan bahasa Inggeris yang baik ternyata banyak memberi kelebihan kepada masyarakat seperti peluang pekerjaan yang cerah. Tiada lagi masalah untuk mendapat pekerjaan yang baik terutamanya dalam sektor swasta.

kita untuk mempelajari bahasa ini. Oleh itu, dalam menuntut ilmu, seseorang itu seharusnya jujur pada diri sendiri dan bukan mengikut rakan atau trend semata-mata.

Tahukah anda untuk mahir dalam bahasa khususnya dalam bidang komunikasi, seseorang itu perlu mempraktikkan diri untuk berkomunikasi dengan seseorang yang lebih mahir berbahasa Inggeris. Kebanyakan orang yang kurang mahir dalam bahasa Inggeris merasa malu dan segan untuk bertutur atau bercakap dalam bahasa Inggeris. Sikap ini perlu dihindari dan perlu diubah. Hindarkan perasaan malu ini, ia hanya akan melemahkan diri kita untuk terus maju dan menyebabkan proses pembelajaran menjadi lambat. Mentaliti dan sikap seperti ini perlu diubah dalam usaha untuk mencapai kejayaan. Perubahan ini bukanlah satu perkara yang mudah, tetapi seseorang yang ingin berjaya perlu berani mencuba. Sikap mencuba dan melakukan kesilapan itu akan membuatkan kita lebih berjaya kerana kita sebenarnya belajar daripada kesilapan yang kita lakukan.

2. Cuba untuk dekatkan diri dengan bahasa Inggeris

Seterusnya, kita boleh mengambil pendekatan menjadikan proses pembelajaran dalam semua aspek yang berkaitan dengan bahasa Inggeris. Misalannya, kita boleh mendekatkan diri melalui pergaulan, hiburan, media dan juga melalui pembacaan. Kita boleh membaca bahan bacaan dalam bahasa Inggeris contohnya buku-buku, novel-novel dan akhbar-akhbar dalam bahasa Inggeris. Mendengar stesen radio Inggeris, menonton filem dan menonton rancangan televisyen dalam bahasa Inggeris juga antara kaedah yang baik untuk lebih memahami maksud dan penyampaian dengan betul. Selain itu, menyanyi dalam bahasa Inggeris dan mencari makna dalam kamus bagi perkataan yang digunakan dalam lagu tersebut juga dapat

melatih kemahiran menghafal, mengingat dan memahami sesuatu maksud itu dengan lebih jelas. Menceburkan diri dalam aktiviti atau program bahasa Inggeris seperti World English, kuiz, dan persembahan koir juga boleh menarik minat seseorang untuk lebih mendalami bahasa Inggeris.

Manglish

Dalam keseronokan mempelajari bahasa Inggeris, kita juga perlu menitikberatkan aspek pertuturan dan sebutan yang betul bagi setiap perkataan bahasa Inggeris. Terdapat pelbagai cara ungkapan perkataan yang digunakan terutamanya dalam kalangan masyarakat Malaysia. Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum pasti tidak terlepas dengan penggunaan “bahasa Manglish”. Penggunaan “bahasa Manglish” ini dikatakan hampir 99 peratus terdiri daripada perkataan bahasa Inggeris berselang dengan unsur-unsur daripada sekurang-kurangnya tiga bahasa utama di negara ini (Melayu, Cina dan India). Walau bagaimanapun, bahasa ini juga disebut sebagai bahasa rojak dengan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa asas dan digabungkan dengan dialek negeri-negeri dari utara, selatan, timur dan barat Malaysia. Berikut adalah contoh perkataan bahasa Inggeris yang telah menjadi Manglish English.

MELINA : Eh, Nurul. What you doing?
NINA : Eating lah.
MELINA : Can eat some more, ah? We late 'ridy'.
NINA : Alamak! Sure ah?
MELINA : Yah lor! I told you 'ridy' what.
NINA : Yes ah? But nevermind lah! For sure they wait one. You eat 'ridy' or not?
MELINA : I ate 'ridy'. Fasterlah, fasterlah! Eat faster, can or not?
NINA : Of course can! I can eat faster than tiger.
MELINA : Wah, you so terror!

Melihat kepada kepentingan bahasa Inggeris, anggota koperasi juga perlu berusaha untuk mempelajari bahasa Inggeris tanpa mengira usia, rasa rendah diri dan malu.

3. Bahan dan alat untuk pembelajaran

Bahan-bahan pembelajaran adalah penting sebagai bantuan pembelajaran bahasa Inggeris. Misalnya dengan membeli audio Cakera Padat (CD), Video Cakera Padat (VCD) atau buku-buku khas untuk pembelajaran bahasa Inggeris dapat membantu dalam pertuturan serta komunikasi dalam bahasa Inggeris. Oleh itu, adalah digalakkan untuk kita mempunyai sebuah kamus dwi bahasa iaitu bahasa Inggeris dan bahasa Melayu bagi memudahkan kita mencari perkataan bahasa Inggeris untuk mengetahui maksud dan maknanya. Ini adalah salah satu cara mempelajari bahasa Inggeris dengan mudah, cepat dan lebih berkesan. Kita boleh belajar di rumah secara bersendirian.

4. Mendapat khidmat guru bahasa Inggeris

Khidmat seorang guru bahasa Inggeris juga adalah penting bagi membantu kita dalam menguasai bahasa Inggeris. Kita tidak perlu merasa rendah diri atau segan dalam menuntut ilmu dengan guru atau orang yang pakar dalam bahasa Inggeris. Pembelajaran bahasa Inggeris secara bersemuka adalah lebih

berkesan kerana kita boleh mendapat tunjuk ajar daripada guru yang berpengalaman secara terus.

5. Berlatih berkomunikasi dalam bahasa Inggeris

Mempelajari bahasa Inggeris tanpa membuat latihan komunikasi memang agak rumit. Oleh itu, teknik yang berkesan adalah dengan berlatih berkomunikasi bersama dengan pasangan. Anda perlu mencari teman untuk berkomunikasi dan berlatih berbual dalam bahasa Inggeris. Sebagai contoh, lakukan aktiviti yang memerlukan anda melakonkan semula watak-watak dari buku, drama dan filem. Melalui aktiviti seperti ini, anda dapat melatih menyebut perkataan-perkataan bahasa Inggeris dengan tepat.

Kesimpulan

Tidak dapat dinafikan bahawa penggunaan bahasa Inggeris pada masa kini sangat penting. Ia menjadi satu kelebihan bagi mereka yang telah menguasainya khususnya bagi mereka yang ingin melanjutkan pelajaran, mencari pekerjaan dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Kebolehan menguasai bahasa Inggeris ini bukan sahaja dapat membina keyakinan diri, bahkan dapat menambahkan kenalan atau rangkaian ke seluruh dunia. Bagi gerakan koperasi, penguasaan bahasa Inggeris yang baik dalam kalangan anggota dilihat mampu untuk merencanakan ekonomi dan pendapatan koperasi dalam sektor pelancongan dan perniagaan lain yang boleh dikomersialkan ke pasaran antarabangsa. 

Rujukan

Lewis E. Losoncy.(2010). *Higher English and good writing*. Petaling Jaya: SSBM Book Publishers Sdn. Bhd.

Kishore Sharma.(2010). *Techniques of feature*. New Delhi: Centrum Press.

8 tips for communicating with limited english proficiency patients.(2015). Dicapai daripada www.dimensionofculturalhealth.com.

10 tips for speaking-English. (2015). Dicapai daripada www.englishleap.com.